

Tugas berat menanti UMP di Koridor Timur

Oleh MOHD. KHAIRI MOHAMAD
berita@kosmo.com.my

PUTRAJAYA - Nama dan logo Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUK-TEM) kini ditukar kepada Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan status universiti penuh berkuat kuasa kelmarin.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed berkata, penubuhan UMP adalah hasil perancangan strategik Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri.

Katanya, kewujudan UMP yang terletak di dalam Koridor Timur meliputi Kelantan dan Terengganu pastinya mempunyai peranan besar selaku sebuah institusi pendidikan.

"UMP memainkan peranan meningkatkan taraf hidup rakyat di kawasan tersebut melalui pendidikan peringkat tinggi.

"Antara tanggungjawab UMP ialah menyediakan keperluan modal insan dalam bidang kritikal sejajar dengan usaha untuk mencapai matlamat yang digariskan kerajaan," katanya dalam teks ucapan yang dibacakan oleh Ahli Lembaga Pengarah UMP, Datuk Dr. Mohd. Taib Hashim.

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar UMP, Shuhairy Said, 21, memberitahu, pengisytiharan ini dapat membetulkan tanggapan masyarakat yang selama ini menganggap ia institusi kelas dua.

"Sebelum ini kami sering di-

anggap universiti kelas kedua dan dengan pengisytiharan ini kami mampu untuk sama-sama bersaing dengan universiti lain," ujarnya.

Seorang lagi pelajar, Luqluq Jamaludin, 20, menjelaskan, UMP' menyediakan silibus pela-

jaran yang menyeimbangkan antara teori dan praktikal.

"Melalui keseimbangan yang wujud itulah menyebabkan graduan-graduan dari sini menjadi rebutan pemain-pemain dalam industri," jelasnya.

Majlis pengisytiharan nama

dan logo baru itu telah disempurnakan oleh Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah dan turut dihadiri oleh Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah selaku Tuanku Canselor UMP dan Naib Canselornya, Prof. Dr. Mohamed Said Mat Lela.



KUMPULAN wakil pelajar UMP bersama logo baru universiti itu pada pelancarannya di Putrajaya malam kelmarin.

Kosmo/pb 9/3-4-07/Berita

Kosmo
3/4/07
B.9